

# OIC persidangan paling menggelisahkan saya — PM

19 OCT 2003

Oleh  
MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 18 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berakhir semalam sebagai persidangan antarabangsa yang paling menggelisahkan beliau.

Perdana Menteri berkata, bukan sahaja dari segi penganjuran, malah beliau juga menghadapi kesulitan menyediakan teks ucapan pembukaan sebagai Pengerusi baru OIC.

Walaupun sudah menulis ucapannya dua bulan lebih awal, menurut Dr. Mahathir, teks itu terpaksa dibuang kerana terlalu panjang dan tidak begitu sesuai.

“Saya sudah mepengerusikan banyak mesyuarat antarabangsa termasuk Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), tetapi inilah mesyuarat yang menyebabkan saya gelisah berbulan-bulan,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau bimbang ucapannya me-

nimbulkan kemarahan perwakilan-perwakilan OIC.

“Saya risau kalau ada yang merajuk dan kalau cakap tak kena, saya khuatir mungkin ada yang marah, menjerit dan macam-macam boleh berlaku.

“(Tetapi) yang tidak disangka-sangka ucapan saya itu mengkritik negara-negara Islam lebih daripada yang lain, yang melenting orang lain sehingga Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London dipanggil menghadap memberi penjelasan,” katanya.

Beliau menyatakan demi-

kian ketika berucap meraikan semua petugas Sidang Kemuncak Ke-10 OIC dalam jamuan penghargaan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini malam ini. Kira-kira 2,000 orang hadir pada majlis itu.

Petikan ucapan pembukaan Dr. Mahathir kelmarin berhubung orang Yahudi telah dipilih untuk disensasikan oleh agensi berita asing sehingga mengundang komen-komen negatif daripada Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat dan Australia.

■ Lihat muka 4

## OIC persidangan paling menggelisahkan saya — PM

Semalam Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Abdul Aziz Mohammed telah dipanggil untuk bertemu dengan Menteri Negara Britain, Mike O'Brien bagi menyatakan kebimbangan kerajaan Britain berhubung ucapan Dr. Mahathir pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak OIC berkaitan Yahudi memerintah dunia menggunakan proksi.

Bagaimanapun, percubaan EU untuk mengeluarkan satu kenyataan keras mengutuk ucapan Dr. Mahathir dihalang oleh Presiden Perancis, Jacques Chirac.

Dalam pada itu, ketika bercakap kepada pemberita sebagai mengulas tindakan Chirac itu, Dr. Mahathir gembira kerana Presiden Perancis lebih memahami maksud ucapan beliau.

“Sesiapa jua yang membaca teks penuh ucapan saya akan memahami maksud sebenarnya. Malah saya sebenarnya lebih bimbang jika (ucapan itu) menyebabkan umat Islam menentang saya.

“Saya tidak pernah terfikir yang EU akan melenting dengan ucapan itu tetapi saya gembira kerana sekurang-kurangnya Chirac faham dan saya perlu mengucapkan terima kasih secara terbuka kepadanya,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Ma-

hathir juga merakamkan penghargaan kepada semua petugas OIC yang menyumbang tenaga bagi menjayakan penganjuran persidangan itu.

Beliau bersyukur kerana segala persiapan dan tugas bagi penganjuran OIC berjalan secara tertib dan lancar, malahan mendapat pujian daripada pemimpin dan perwakilan yang hadir.

Sambil menyifatkan penganjuran persidangan itu sebagai satu khidmat kepada negara, Perdana Menteri percaya semua petugas telah memberi sumbangan masing-masing kerana mahu menjaga nama baik Malaysia sebagai penganjur yang berjaya.

Dr. Mahathir turut menasihatkan supaya segala aspek mengenai pengendalian persidangan itu direkod dan disimpan untuk dijadikan rujukan semasa mengendalikan persidangan seumpamanya pada masa depan.

Menarik perhatian persaraannya hujung bulan ini, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang 22 tahun beliau menerajui negara.

Beliau yakin kerjasama itu akan diteruskan di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.